

BAB 3

Perkembangan Monetari dan Kewangan

111 PERSPEKTIF KESELURUHAN

111 PERKEMBANGAN MONETARI

112 PRESTASI RINGGIT

113 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Rencana 3.1 – Amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir
Urus: Ke Arah Meningkatkan Daya Tahan Korporat di
Malaysia

122 PRESTASI PASARAN MODAL

Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

128 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM

130 KESIMPULAN

131 RUJUKAN

BAB 3

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Perspektif Keseluruhan

Pasaran kewangan kekal berdaya tahan

Persekitaran monetari dan kewangan kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi sepanjang krisis pandemik COVID-19. Operasi monetari disokong oleh pasaran wang dan pertukaran asing serta aktiviti perantaraan yang dinamik. Sektor perbankan kekal kukuh disokong oleh mudah tunai dan penampunan modal yang mencukupi. Sementara itu, pasaran modal terus berdaya tahan didukung oleh mudah tunai yang mampan dan persekitaran dasar yang menyokong. Pendirian dasar monetari yang akomodatif dan mengembang akan terus menyokong pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, risiko berikutan peningkatan semula kes COVID-19, kelewatan dalam pelonggaran langkah pembendungan, pembatasan aktiviti ekonomi dan kadar normalisasi dasar monetari yang lebih pantas daripada jangkaan oleh bank pusat utama mampu memberi kesan kepada prestasi pasaran kewangan.

Perkembangan Monetari

Dasar monetari terus menyokong pemulihan ekonomi

Dasar monetari pada 2021 kekal akomodatif bagi mengurangkan kesan buruk terhadap ekonomi disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlarutan di samping memberi sokongan kepada pemulihan ekonomi. Dasar tersebut juga memastikan tekanan harga kekal terkawal. Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal stabil pada 1.75% pada tujuh bulan pertama 2021. Sementara itu, usaha diteruskan untuk memastikan mudah tunai mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Nisbah Keperluan

Rizab Berkanun (SRR) berada pada paras 2.00% sejak Mac 2020 sebagai tambahan kepada pelanjutan fleksibiliti yang diberikan kepada institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi mencapai pematuhan keperluan SRR sehingga Disember 2022.


Seiring dengan pelarasan OPR, kadar faedah dalam sistem perbankan kekal stabil pada tujuh bulan pertama 2021. Kadar pinjaman purata dan kadar asas berwajaran bank perdagangan hampir tidak berubah pada paras 3.43% dan 2.43% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Sementara itu, purata kadar faedah deposit tabungan bank perdagangan kekal stabil pada 0.58%. Kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan pula berada antara 1.48% hingga 1.70%.

Agregat monetari terus berkembang antara Januari dan Julai 2021. Bekalan M1 meningkat sebanyak 10.8% kepada RM550.8 bilion pada akhir Julai 2021 berikutan peningkatan mata wang dalam edaran (13.7%) dan deposit permintaan (9.9%) manakala M3 meningkat sebanyak 3.8% kepada RM2,106.4 bilion. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh aset asing bersih yang lebih tinggi dalam sektor kewangan didorong oleh aliran masuk portfolio dan penawaran kredit yang berterusan kepada sektor swasta khususnya melalui pinjaman. Dalam jangka masa terdekat, bekalan wang akan terus disokong oleh penawaran kredit kepada sektor swasta berikutan aktiviti ekonomi yang kembali beroperasi.

Melangkah ke hadapan, dasar monetari dijangka kekal akomodatif dan menyokong pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, mengambil kira ketidakpastian dalam tempoh

pandemik, pendirian dasar monetari akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu. Perkara ini perlu bagi memastikan risiko terhadap prospek pertumbuhan dapat dikurangkan serta kestabilan harga dikekalkan.

RAJAH 3.1. Agregat Monetari (% perubahan)



¹ Akhir Julai 2021
Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 3.1. Faktor Penentu M3, Januari – Julai 2020 dan 2021

	PERUBAHAN (RM BILION)	
	2020	2021
M3	68.1	65.4
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	62.8	9.5
Tuntutan terhadap Kerajaan	81.9	31.2
Tolak: Deposit Kerajaan	19.1	21.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	38.9	28.1
Pinjaman	29.4	26.9
Sekuriti	9.5	1.2
Aset asing bersih ¹	28.5	36.3
Bank Negara Malaysia	14.6	29.3
Sistem perbankan	13.9	7.0
Pengaruh lain	-62.1	-8.5

¹ Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit

Volatiliti berterusan dalam kadar pertukaran asing

Nilai ringgit dan mata wang serantau mengukuh berbanding dolar AS pada awal 2021. Pengukuhan ringgit didorong oleh keyakinan terhadap pemulihan ekonomi global berikutan pelaksanaan program vaksinasi. Walau bagaimanapun, nilai ringgit mula menyusut berbanding dolar AS mulai minggu kedua Januari 2021. Tekanan jualan dalam pasaran domestik yang dicetuskan oleh pelaksanaan PKP 2.0 di seluruh negara bagi mengekang penularan kes COVID-19 telah menyumbang kepada kejatuhan nilai ringgit.


Pada Mac 2021, nilai ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menyusut antara 0.4% dan 6.7%. Peningkatan kadar hasil bon Perbendaharaan AS berikutan prospek pemulihan ekonomi AS yang lebih pantas menyebabkan pelabur beralih kepada bon Perbendaharaan AS seterusnya mengukuhkan nilai dolar AS. Walau bagaimanapun, nilai ringgit mengukuh berbanding yen Jepun (3.7%), euro (1.3%), baht Thailand (1.1%) dan won Korea (0.7%) pada bulan tersebut.

Nilai ringgit kembali mengukuh berbanding dolar AS pada April 2021. Kadar hasil Perbendaharaan AS lemah disebabkan oleh jangkaan pasaran mengenai kemungkinan Fed mengurangkan program pembelian aset kepada satu tarikh yang lebih lewat. Keadaan ini dan pengukuhan harga minyak mentah telah mendorong aliran masuk portfolio bukan pemastautin ke pasaran bon domestik seterusnya mengukuhkan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berpunca daripada pelanjutan kepada PKP 3.0 mulai 12 Mei 2021 telah mengurangkan kesanggupan pelabur mengambil risiko.

Pada akhir September, nilai ringgit menyusut 4.2% berbanding dolar AS. Trend ini disebabkan oleh penularan kes COVID-19 di seluruh dunia dan tempatan yang memberi kesan kepada unjuran pertumbuhan ekonomi. Penyusutan ini turut dipengaruhi oleh peralihan jangkaan terhadap tempoh masa program pembelian aset oleh Fed serta pengetatan dasar monetari. Melangkah ke hadapan, faktor tersebut akan mempengaruhi pergerakan nilai ringgit. Pemulihan ekonomi

yang berterusan serta asas ekonomi yang kukuh dijangka menyokong nilai ringgit dalam jangka masa sederhana.

RAJAH 3.2. Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Perbankan


Tahap Permodalan Sektor Perbankan Kekal Kukuh

Keupayaan sektor perbankan menampung kerugian kekal teguh. Di samping itu, kedudukan modal bank kekal kukuh bagi menampung potensi risiko dan meneruskan perantaraan kredit dalam ekonomi. Kedudukan kukuh ini disokong oleh tahap modal dan mudah tunai yang tinggi serta kualiti aset yang berdaya tahan dan rizab kerugian pinjaman yang berhemah. Pada akhir Julai 2021, lebihan jumlah penampungan modal¹ kekal stabil pada RM129.2 bilion. Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 mencatat 14.7%, Nisbah Modal Kumpulan 1 pada 15.2% dan Nisbah Jumlah Modal pada 18.5%. Nisbah ini jauh mengatasi paras minimum pengawalseliaan Basel III iaitu 4.5%, 6% dan 8% daripada aset wajaran risiko.

Keuntungan sektor perbankan merosot pada 2020 disebabkan oleh peruntukan tambahan bagi menanggung jangkaan kerugian pinjaman. Namun demikian, keuntungan sebelum cukai sektor tersebut meningkat sebanyak 2.8% kepada RM21.1 bilion pada tujuh bulan pertama 2021. Keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi didorong oleh peningkatan pendapatan faedah bersih daripada kos dana yang rendah serta pengurangan peruntukan tambahan yang dibuat dalam tempoh tersebut.

Operasi perbankan terus bertambah baik disokong oleh kedudukan kewangan yang stabil dan mudah tunai yang mencukupi. Keadaan ini dicerminkan melalui pulangan ke atas aset (1.2%) dan ekuiti (10.4%) yang kekal stabil. Prospek sektor perbankan kekal memberangsangkan disokong oleh inisiatif digitalisasi, budaya kerja yang tangkas, pengalaman pelanggan yang lebih baik dan pengurusan risiko perusahaan yang dipertingkatkan.

RAJAH 3.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2021
Sumber: Bank Negara Malaysia

¹ Lebihan jumlah penampungan modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi peraturan minimum yang ditetapkan oleh bank termasuk keperluan penampungan pemeliharaan modal (2.5% daripada aset wajaran risiko) dan keperluan minimum lebih tinggi yang ditetapkan oleh bank tertentu.

Kualiti pinjaman sektor perbankan kekal teguh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih stabil pada 1.03% pada akhir Julai 2021. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal stabil pada 128%. Sementara itu, Nisbah Perlindungan Mudah Tunai merekodkan 152% iaitu jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum 100%. Walaupun terdapat kesan buruk pandemik terhadap ekonomi, sistem perbankan Malaysia kekal berdaya tahan disokong oleh pengunderaitan yang berhemat, mudah tunai yang mencukupi dan pembiayaan berasaskan deposit.

Aktiviti pinjaman meningkat disokong oleh pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan peningkatan kadar vaksinasi. Kelulusan pinjaman meningkat 16.1% kepada RM215.4 bilion antara Januari hingga Julai 2021 manakala pengeluaran pinjaman meningkat 22.3% kepada RM803.4 bilion. Secara keseluruhan, jumlah pinjaman terkumpul berkembang sebanyak 3.1% kepada RM1,862.8 bilion pada akhir Julai 2021.

Aktiviti pinjaman kepada perniagaan yang perlahan mencerminkan sentimen berwaspada berikutan penularan semula kes COVID-19. Kelulusan pinjaman kepada perniagaan merosot sebanyak 3.1% kepada RM78.3 bilion pada akhir Julai 2021. Namun demikian, jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan meningkat sebanyak 21.6% kepada RM524.3 bilion iaitu merangkumi 65.3% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Sebahagian besar pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan merangkumi 23.4% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan diikuti sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (18.8%) dan sektor kewangan, insurans dan aktiviti perniagaan (7.2%). Jumlah pinjaman terkumpul bagi perniagaan meningkat sebanyak 1.3% kepada RM642.2 bilion iaitu 34.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Pinjaman isi rumah berkembang pesat dengan kelulusan pinjaman meningkat sebanyak 41.6% kepada RM126.9 bilion. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah pula meningkat sebanyak 10.5% kepada RM184.7 bilion terutamanya untuk kredit

penggunaan (11.4%) diikuti pembelian harta tanah kediaman (5.5%) dan kereta penumpang (2.7%). Peningkatan ini antara lain didorong oleh langkah yang diumumkan dalam pelbagai pakej rangsangan ekonomi. Jumlah pinjaman isi rumah terkumpul pada akhir Julai 2021 meningkat sebanyak 4.2% kepada RM1,094.9 bilion merangkumi 58.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sektor perbankan.

Bank responsif terhadap keperluan individu dan perniagaan yang terjejas semasa pandemik ini. Pemberian moratorium pembayaran pinjaman menyeluruh secara automatik selama enam bulan yang diperkenalkan pada April 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) telah memberikan aliran tunai segera kepada isi rumah dan perniagaan. Pada Oktober 2020, bank telah menawarkan bantuan bayaran balik yang lebih bersasar sejajar dengan pelonggaran PKP secara beransur-ansur. Bantuan bayaran balik ini ditawarkan kepada peminjam yang memerlukan bantuan kewangan seperti individu dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan perusahaan mikro.

Program bantuan bayaran balik telah diperluaskan kepada semua kumpulan peminjam di bawah pakej Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) serta Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) apabila PKP penuh dilaksanakan semula di seluruh negara pada Jun 2021. Peminjam diberi opsyen untuk mengambil moratorium atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan. Di samping itu, bank turut menawarkan bentuk bantuan lain berdasarkan kedudukan kewangan peminjam. Bantuan bayaran balik ini telah memanfaatkan hampir 2.6 juta peminjam individu dan 86,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan nilai pinjaman terkumpul sebanyak RM469.4 bilion dari 1 Jun sehingga 10 September 2021.

Nilai keseluruhan hutang isi rumah² berjumlah RM1,335.4 bilion berbanding jumlah aset isi rumah³ (RM2,900.5 bilion) pada akhir Jun 2021. Nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar telah berkurang kepada

² Disalurkan oleh bank dan institusi kewangan bukan bank.

³ Aset isi rumah terdiri daripada deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan pemegang ekuiti, polisi insurans/takaful (nilai serahan) dan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

89.6% pada akhir Jun 2021 (akhir 2020: 93.2%) berikutan pemulihan pertumbuhan ekonomi dalam separuh pertama 2021. Sebahagian besar hutang bertujuan untuk pengumpulan kekayaan seperti harta tanah kediaman (57.3%), harta tanah bukan kediaman (6%) dan pembelian sekuriti (5.3%). Daya tahan keseluruhan sektor isi rumah terus disokong oleh median nisbah servis hutang (DSR) yang berhemat dan penampakan kewangan yang mencukupi. Hal ini terbukti menerusi aktiviti pemberian pinjaman yang disokong oleh piawai pengunderaitan dan penilaian kemampuan pinjaman yang berpatutan oleh bank. Melangkah ke hadapan, tahap hutang isi rumah akan terus dipantau secara teliti. Sebarang usaha bagi menentu ukur semula langkah kehematan makro bergantung kepada peningkatan risiko pasaran harta tanah dan keberhutangan isi rumah.

JADUAL 3.2. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman, Januari – Julai 2020 dan 2021

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2020	2021	2020	2021
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	447.9	523.0	-10.7	16.8
Kelulusan pinjaman	185.5	215.4	-22.0	16.1
Pengeluaran pinjaman	657.1	803.4	-7.3	22.3
Pinjaman terkumpul ^{2,3}	1,806.1	1,862.8	4.5	3.1
<i>antaranya:</i>				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	201.0	180.2	-1.5	-10.3
Kelulusan pinjaman	80.8	78.3	-12.5	-3.1
Pengeluaran pinjaman	431.0	524.3	-4.3	21.6
Pinjaman terkumpul ³	634.1	642.2	3.9	1.3
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	227.6	323.7	-18.4	42.2
Kelulusan pinjaman	89.6	126.9	-30.1	41.6
Pengeluaran pinjaman	167.1	184.7	-16.3	10.5
Pinjaman terkumpul ³	1,050.9	1,094.9	4.3	4.2

¹ Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

³ Pada akhir tempoh

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 3.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2020 dan 2021

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021
Perniagaan	634.1	642.2	35.1	34.5
Bukan PKS ¹	352.4	349.8	19.5	18.8
PKS	281.8	292.4	15.6	15.7
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	34.6	32.7	1.9	1.8
Perlombongan dan kuari	9.0	8.9	0.5	0.5
Pembuatan ²	122.4	129.0	6.8	6.9
Bekalan elektrik, gas dan air	14.7	14.5	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	134.4	142.9	7.4	7.7
Pembinaan	91.6	91.0	5.1	4.9
Harta tanah	113.8	108.6	6.3	5.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	39.8	38.4	2.2	2.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	162.8	158.7	9.0	8.5
Isi rumah	1,050.9	1,094.0	58.2	58.8
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	600.1	640.7	33.2	34.4
Pembelian harta tanah bukan kediaman	80.5	79.1	4.5	4.2
Pembelian kereta penumpang	146.2	151.8	8.1	8.1
Kredit penggunaan	134.2	131.4	7.4	7.1
<i>antaranya:</i>				
Kad kredit	35.3	31.4	2.0	1.7
Kegunaan persendirian	98.9	100.0	5.5	5.4
Pembelian sekuriti	66.3	68.8	3.7	3.7
Lain-lain	0.0	0.0	0.0	0.0
Sektor lain	121.0	125.7	6.7	6.7
Jumlah³	1,806.1	1,862.8	100.0	100.0

¹ Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

² Termasuk asas tani

³ Jumlah = Perniagaan + Isi Rumah + Sektor lain

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

RENCANA 3.1

Amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus: Ke Arah Meningkatkan Daya Tahan Korporat di Malaysia

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan ekonomi dan perniagaan di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi yang mencabar kesan daripada pandemik ini, terdapat laporan yang menyatakan bahawa firma yang memperoleh penarafan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang tinggi dan portfolio pelaburan berasaskan ESG dapat mengatasi keadaan ini dengan lebih baik berbanding firma yang tidak mendapat penarafan ESG. Tambahan pula, ini merupakan kali pertama ESG sebagai satu kategori produk dapat mengharungi kemerosotan ekonomi yang begitu ketara (Harris, 2020). Sebelum ini, kebanyakan pelabur berpendapat pelaburan dalam ESG menghasilkan pulangan lebih rendah. Namun demikian, pencapaian firma pada 2020 membuktikan sebaliknya (Tett, 2020).

Keperluan bagi Syarikat Senaraian Awam (SSA) untuk memberi lebih penekanan kepada isu berkaitan ESG terus meningkat. Keadaan ini disebabkan oleh lebih ramai pelabur dan pemegang saham menjangkakan polisi firma yang lebih telus dan kukuh terhadap alam sekitar, kesejahteraan sosial dan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan. Pelabur institusi yang sedang mencari peluang keuntungan akan mendapat manfaat daripada prestasi pulangan risiko yang lebih baik melalui portfolio yang memperuntukkan modal pelaburan besar dalam firma dengan impak alam sekitar dan sosial yang tinggi. Sementara itu, pelabur beretika yang berminat untuk menyumbang kepada impak sosial dan mendapat pulangan kewangan juga akan tertarik dengan kestabilan dalam pelaburan ESG.

Pelaburan ESG di Malaysia masih berada pada peringkat awal. Sungguhpun begitu, syarikat yang mempunyai prestasi ESG yang baik terbukti lebih berdaya tahan dan berupaya untuk melaksanakan inovasi serta memanfaatkan peluang ESG semasa pandemik COVID-19. Pengukuran empirik adalah lebih jelas dalam jangka masa panjang yang dibuktikan dengan pulangan yang stabil dalam tempoh masa tertentu. Walaupun harga saham di seluruh dunia merudum pada suku pertama 2020, namun kebanyakan prestasi indeks berasaskan ESG mengatasi indeks bukan berasaskan ESG. Bagi pasaran modal Malaysia, prestasi indeks ESG iaitu Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) telah mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) sebanyak 3.4% mulai 31 Disember 2013 hingga 30 Jun 2021 (Bursa Malaysia, 2021). Trend pulangan F4GBM berbanding FBM KLCI adalah seperti di Rajah 3.1.1.

RAJAH 3.1.1. Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur: F4GBM berbanding FBM KLCI, 1 Januari 2015 hingga 30 Jun 2021




Sumber: Bursa Malaysia, 2021

Komponen Pelaburan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Penarafan ESG merupakan satu set standard bukan faktor kewangan (Rajah 3.1.2.) bagi pelabur yang mempunyai kesedaran sosial untuk mengenal pasti pelaburan yang berpotensi. Dalam hal ini, United Nations Global Compact telah memperkenalkan ESG untuk Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) (Kell, 2018). Berdasarkan laporan Morningstar (2021a), pelaburan lestari semakin relevan berikutan krisis iklim dan kritikan yang semakin meningkat daripada pemegang saham utama terhadap syarikat. Walau bagaimanapun, istilah ESG berbeza mengikut industri, syarikat dan model perniagaan memandangkan tiada klasifikasi universal untuk ESG.

RAJAH 3.1.2. Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus



Sumber: Corporate Finance Institute, 2021


Dalam kebanyakan situasi, kriteria ESG mengukur komitmen firma terhadap isu berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Sebagai contoh, kriteria alam sekitar mempertimbangkan bagaimana syarikat melaksanakan peranan dalam pemeliharaan alam sekitar yang berkaitan dengan pelepasan karbon, penggunaan air, pencemaran air, sisa, sumber boleh baharu dan tidak boleh baharu. Kriteria sosial mengkaji bagaimana firma menguruskan hubungan dengan pekerja, pembekal, pelanggan dan komuniti. Perkara ini juga berkait dengan kepelbagaian di tempat kerja, kesihatan dan keselamatan, mogok pekerja, buruh kanak-kanak dan kebajikan pekerja. Kriteria tadbir urus pula merangkumi, antara lain, falsafah kepimpinan dan pengurusan syarikat, polisi, kepelbagaian lembaga pengarah, usaha memerangi rasuah, hak pemegang saham dan pengurusan lembaga pengarah. Pelabur yang berpotensi akan mengguna pakai kriteria ESG dalam penilaian isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang tidak dapat diukur melalui analisis kewangan konvensional.

Kepentingan Penarafan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Produk syarikat yang mendapat penilaian positif daripada pelabur sering dikaitkan dengan pelaburan hijau serta skor ESG yang lebih tinggi. Sementara itu, syarikat yang memperoleh penilaian negatif terlibat dengan industri alkohol, tembakau, senjata api dan perjudian serta melakukan pelanggaran hak asasi manusia, buruh dan ketidakpatuhan piawaian alam sekitar seperti digariskan oleh United Nations Global Compact Principles. Pada masa ini, pelabur yang menggunakan skor ESG akan lebih berhati-hati dalam menyusun strategi pelaburan kerana skor yang rendah akan menjurus kepada pulangan yang tidak memuaskan. Sekiranya SSA mendapat

penarafan yang rendah, saham syarikat boleh dianggap sebagai aset tidak mampan dan dikecualikan daripada portfolio pelabur. Jika ramai pelabur menggunakan kriteria penarafan ini, maka harga saham syarikat berkenaan akan menerima kesan negatif (Stopps, t.t.). Rajah 3.1.3. menunjukkan penarafan ESG.

RAJAH 3.1.3. Penarafan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus



Sumber: Malaysia Petroleum Resources Corporation, 2021

Perniagaan yang mengamalkan ESG boleh mendapat empat manfaat utama. Pertama, ESG membantu firma meningkat atau mengekalkan reputasi korporat dengan menyampaikan isu berkaitan ESG kepada pelabur, pelanggan dan pihak berkepentingan. Langkah ini akan meningkatkan kesedaran dan mewujudkan peluang perniagaan untuk firma dalam perubahan lanskap ekonomi, sosial dan alam sekitar. Tambahan pula, ESG dapat meningkatkan kemampuan firma untuk beroperasi dan menyesuaikan keadaan dengan lebih mudah bagi membantu firma mencapai objektif perniagaan dan bertindak balas terhadap krisis. Kedua, ESG membantu firma mengenal pasti risiko jangka masa pendek dan jangka masa panjang seperti kekurangan bahan mentah dan tenaga kerja. Ketiga, ESG menggalakkan firma untuk mewujudkan peluang perniagaan melalui peningkatan inovasi. Sebagai contoh, firma berkemungkinan perlu membangunkan produk atau perkhidmatan baharu untuk memenuhi kehendak pasaran bagi menangani isu ESG. Keempat, penerapan kriteria ESG dalam penilaian tenaga kerja akan memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu pengambilan dan pengendalian pekerja.

Kebanyakan syarikat berminat untuk menambah baik dan bertindak balas terhadap isu berkaitan ESG terutamanya disebabkan oleh tekanan daripada pelabur institusi dan pelabur runcit dalam menerapkan amalan ESG. Hal ini juga disebabkan oleh akauntabiliti terhadap pihak berkepentingan memandangkan pelaporan ESG menunjukkan syarikat lebih berdaya tahan dan mampan dalam jangka masa panjang. Dana institusi turut menerapkan amalan ESG melalui penyertaan rangkaian pelaburan PRI yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pelabur institusi tempatan yang telah menyertai PRI ialah Khazanah Nasional Berhad pada 2017, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 2018 dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 2019 (Ng, 2020).


Peningkatan kepentingan amalan ESG dalam kalangan SSA Malaysia juga dilihat semakin ketara. Sebagai contoh, terdapat pengilang yang melabur beberapa ratus juta ringgit untuk menyediakan tempat tinggal yang kondusif kepada pekerja bagi mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dan keperluan ESG (Chan, 2021). Kegagalan pengilang tersebut untuk menyediakan tempat tinggal yang sesuai kepada pekerja sebelum ini (Idris, 2021) telah mengakibatkan pengilang berkenaan digugurkan daripada tiga senarai indeks ESG iaitu F4GBM, FTSE4Good ASEAN 5 dan MSCI Emerging Markets ESG (Cheah, 2021). Sektor perladangan turut menjadi tumpuan antarabangsa berikutan isu berkaitan buruh dan degradasi hutan. Keadaan ini menyebabkan pegangan saham asing dalam sektor perladangan terus merosot sehingga kini (The Star, 2021). Oleh itu, dengan mematuhi amalan dan pelaporan ESG, syarikat perladangan Malaysia akan menjadi pilihan dalam kalangan institusi dana dan kewangan.

Peningkatan Dana Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Permintaan terhadap dana berkaitan ESG semakin meningkat di peringkat antarabangsa selepas krisis kewangan 2008 – 2009 dan menjadi lebih ketara semasa pandemik COVID-19. Pandemik ini telah memberi kesan terhadap sistem ekonomi global lantas menyebabkan kerajaan dan perniagaan menerapkan perancangan dan pembangunan mampan yang lebih progresif. Justeru, prestasi dana berkaitan ESG telah mengatasi dana konvensional pada 2020. Selain itu, lonjakan aliran dana ESG turut dipengaruhi oleh dasar awam yang menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon melalui penstrukturan semula peraturan pasaran dan rejim percukaian bagi menggalakkan pelaburan mesra iklim (Jessop & Howcroft, 2021).

Pada 2020, dana bertemakan ESG meningkat sebanyak 29% kepada USD1.65 trilion di seluruh dunia (Rajah 3.1.4.) dengan Eropah menguasai lebih daripada 80% dana yang diterima (Morningstar, 2021b). Dana lestari juga lebih menarik perhatian pelabur AS berbanding tahun sebelumnya (Morningstar, 2021a). Dana ESG memperoleh USD51.1 bilion aset baharu bersih daripada pelabur AS. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 143% berbanding 2019 iaitu hanya USD21 bilion yang disalurkan dalam dana yang menerapkan prinsip ESG. Penemuan ini juga disokong oleh kajian daripada Forum for Sustainable and Responsible Investment (US SIF) Foundation pada 2020. Kajian ini menganggarkan bahawa satu daripada tiga dolar AS bagi keseluruhan aset yang diuruskan di AS disalurkan kepada strategi pelaburan mampan. Pada masa yang sama, ramai pengurus pelaburan konvensional menyedari bahawa pertimbangan asas isu ESG dapat meningkatkan prestasi pelaburan serta mula mengiktiraf kepentingan ESG dan peluang yang lebih baik dalam pemilihan sekuriti (Morningstar, 2021a).


RAJAH 3.1.4. Aliran Dana Lestari Global pada 2020



Sumber: Morningstar, 2021b

Bagi menyokong pertumbuhan pelaburan berfokuskan ESG dalam negara, Bursa Malaysia dan FTSE telah melancarkan indeks ESG pertama negara pada Disember 2014 iaitu Indeks F4GBM. Sejak dilancarkan, jumlah konstituen dalam indeks telah meningkat tiga kali ganda daripada 24 kepada 76 pada Jun 2021. Sebanyak 42% daripada 76 konstituen merupakan syarikat bermodal sederhana dalam Indeks Pertengahan 70 FTSE Bursa Malaysia (FBM 70), manakala 29% syarikat bermodal besar dalam FBM KLCI dan 29% syarikat bermodal kecil dalam Indeks Bermodal Kecil FTSE Bursa Malaysia (FBM SCAP). Perwakilan indeks mengikut sektor seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1.1.

JADUAL 3.1.1. Perwakilan Sektor dalam F4GBM



Sumber: Bursa Malaysia-FTSE Russell, 2021

Pada masa ini, Malaysia merupakan pasaran kewangan hijau keempat terbesar di ASEAN selepas Singapura, Indonesia dan Filipina dan keseluruhan pasaran telah meningkat kepada USD1.3 bilion pada 2019 (The Malaysian Reserve, 2021). Sehingga Julai 2021, terdapat sebanyak 22 dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) di Malaysia (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021) seperti yang dipaparkan pada Jadual 3.1.2. Pada April 2021, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia melalui terbitan bertempoh matang 10-tahun berjumlah USD800 juta. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berjaya menerbitkan sukuk bertempoh matang 30-tahun (Sukuk Wakalah) berjumlah USD500 juta. Sukuk tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur antarabangsa dan domestik dengan jumlah langganan melebihi 6.4 kali. Perkembangan positif ini sudah pasti akan membuka peluang kepada penerbit sukuk Malaysia yang lain untuk meneroka asas pembiayaan ESG bagi menangani isu berkaitan ESG.

JADUAL 3.1.2. Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab

DANA	JENIS SKIM PELABURAN KOLEKTIF	TARIKH KELAYAKAN
InterPac Social Enterprise and Responsibility Fund	Dana Borong	26 Feb 2018
BIMB ESG Sukuk Fund	Dana Unit Amanah	23 Mei 2018
Public e-Islamic Sustainable Millennial Fund	Dana Unit Amanah	15 Okt 2019
Singular Value Fund	Dana Borong	11 Nov 2019
Singular Asia Flexible Fund	Dana Borong	11 Nov 2019
Maybank Global Sustainable Equity-I Fund	Dana Unit Amanah	09 Mac 2020

DANA	JENIS SKIM PELABURAN KOLEKTIF	TARIKH KELAYAKAN
AmIslamic Global SRI	Dana Unit Amanah	06 Apr 2020
United-i Asia ESG Income Fund	Dana Unit Amanah	15 Okt 2020
RHB i-Global Sustainable Disruptors Fund	Dana Unit Amanah	13 Nov 2020
Maybank Global Sustainable Technology Fund	Dana Unit Amanah	23 Dis 2020
Public e-Carbon Efficient Fund	Dana Unit Amanah	13 Jan 2021
Affin Hwang SGD Bond Fund	Dana Unit Amanah	27 Jan 2021
BIMB-ARABESQUE Global Shariah Sustainable Equity Fund	Dana Unit Amanah	03 Feb 2021
RHB Global Impact Fund	Dana Borong	04 Feb 2021
TA Global Absolute ESG Alpha Fund	Dana Unit Amanah	16 Feb 2021
RHB Sustainable Global Thematic Fund	Dana Borong	17 Feb 2021
Makmur myWakaf Fund	Dana Unit Amanah	25 Feb 2021
Nomura Global Sustainable Equity Fund	Dana Unit Amanah	06 Mei 2021
United-i ESG Series – Conservative Income Fund	Dana Borong	19 Mei 2021
MIDF Amanah ESG Mustadamah Fund	Dana Unit Amanah	20 Mei 2021
United ESG Series - Conservative Bond Fund	Dana Unit Amanah	01 Jul 2021
BIMB-Arabesque Global Shariah-ESG AI Technology Fund	Dana Unit Amanah	23 Jul 2021

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021

Isu yang Dihadapi oleh Syarikat Senaraian Awam dalam Pelaporan Amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Sebilangan besar SSA, sama ada kecil mahupun besar berusaha untuk mematuhi standard ESG. Antara halangan utama ialah kekurangan sumber atau keupayaan dalaman syarikat untuk melaksanakan amalan dan proses berkaitan kelestarian yang lebih kompleks seperti menangani impak perubahan iklim khususnya bagi SSA yang lebih kecil. Pelan pelaburan bagi sebilangan SSA adalah tidak jelas memandangkan pulangan pelaburan yang mampan sering direalisasikan dalam jangka masa panjang dan kadangkala tidak ketara (Bursa Malaysia, 2021). Walaupun SSA mempunyai pelaporan pematuhan yang tinggi terhadap kelestarian, namun masih banyak penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kualiti pelaporan tersebut (Jadual 3.1.3.).

JADUAL 3.1.3. Semakan Laporan Kelestarian untuk Syarikat Senaraian Awam, 2017 – 2019

SEMAKAN PELAPOR KALI PERTAMA	PURATA TAHAP PEMATUHAN	PURATA SKOR KUALITI
2017 SSA dengan permodalan pasaran \geq RM2 bilion	90%	47%
2018 SSA dengan permodalan pasaran \geq RM1 bilion	90%	49%
2019 SSA dengan permodalan pasaran $<$ RM1 bilion	93%	59%

Sumber: Laporan Kelestarian Bursa Malaysia, 2020

Kesan pandemik COVID-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah menyerlahkan amalan ESG yang mantap bagi meningkatkan daya tahan perniagaan SSA khususnya semasa krisis. Namun demikian, kepelbagaian standard dan kerangka kerja antarabangsa berkaitan kelestarian telah menimbulkan masalah memandangkan setiap standard dan kerangka kerja tersebut mempunyai pendekatan berbeza dalam pelaporan kelestarian masing-masing. Misalnya, beberapa standard dan kerangka kerja ini berkisar tentang sumbangan untuk pembangunan lestari secara umum manakala kerangka kerja lain bertujuan memenuhi keperluan maklumat khusus pelabur. Setiap standard dan kerangka kerja juga memenuhi keperluan kumpulan berkepentingan yang berbeza dan tidak seragam. Secara keseluruhannya, pertindihan, persamaan dan perbezaan yang tidak dapat dielakkan telah menyebabkan kekeliruan dan penyediaan pelaporan yang tidak bersepadu. Hal ini akan berlaku terutamanya kepada syarikat yang perlu menyediakan laporan menggunakan pelbagai standard yang melibatkan proses yang kompleks dan kos yang tinggi (Bursa Malaysia, 2021).

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi prestasi dan pelaburan syarikat di seluruh dunia. Namun begitu, krisis ini telah meningkatkan kesedaran dalam kalangan SSA dan perusahaan kecil dan sederhana untuk terlibat secara lebih agresif dalam amalan ESG demi kelangsungan operasi syarikat. Prospek pelaburan ESG tidak terjejas semasa pandemik, malahan pelabur yang peka dan setia dengan ESG akan terus menyokong syarikat yang mengamalkan standard ESG. Melangkah ke hadapan, permintaan untuk pelaporan yang lebih telus, kebajikan pekerja, tenaga boleh baharu dan infrastruktur hijau dijangka semakin meningkat. Melalui penerapan amalan ESG, syarikat akan meningkatkan prospek pelaburan, melaksanakan perubahan dan mempercepat proses pemulihan daripada pandemik ini, seterusnya meningkatkan daya tahan korporat di Malaysia.

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti pemerolehan modal kekal cergas

Pada tujuh bulan pertama 2021, pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal meningkat sebanyak 13.4% kepada RM163 bilion. Prestasi yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh aktiviti pemerolehan dana kasar sektor swasta yang terus berkembang secara signifikan sebanyak 43.1% kepada RM65.6 bilion. Sebaliknya, pemerolehan dana oleh sektor awam berkurang secara marginal sebanyak 0.5% kepada RM97.4 bilion.

Pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta melalui terbitan baharu bon korporat meningkat semula sebanyak 40.2% kepada RM63.8 bilion. Sebahagian besar terbitan baharu merupakan nota jangka pertengahan yang mewakili 97.1% daripada jumlah

bon korporat. Majoriti dana baharu yang dikumpul adalah melalui sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang meliputi 55.8% daripada jumlah keseluruhan terbitan bon korporat. Sementara itu, sektor elektrik, gas dan air meliputi 21.2% daripada jumlah keseluruhan terbitan bon korporat dan sektor pembinaan sebanyak 8.6%. Sebahagian besar dana yang dikumpul digunakan untuk membiayai projek infrastruktur, aktiviti perniagaan baharu dan modal kerja.

Pada tujuh bulan pertama 2021, pemerolehan dana kasar oleh sektor awam menerusi terbitan MGS dan MGII berkurang secara marginal sebanyak 0.5% kepada RM97.4 bilion dengan terbitan MGS bernilai RM48.5 bilion dan MGII bernilai RM48.9 bilion. Aliran masuk dana bon pula mencatatkan RM20.8 bilion pada tempoh yang sama. Sementara

JADUAL 3.4. *Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal, Januari - Julai 2020 dan 2021*

	RM JUTA	
	2020	2021
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	49,969.9	48,482.7
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	47,916.4	48,895.2
Terbitan baharu sekuriti hutang	97,886.3	97,377.9
Tolak: Penebusan	38,000.0	39,000.0
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	59,886.3	58,377.9
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran Awam Awal	292.1	1,775.9
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/waran	292.1	1,775.9
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	386.5	780.0
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	3,200.0	1,056.2
Nota jangka pertengahan	41,966.7	62,012.9
Terbitan baharu sekuriti hutang	45,553.2	63,849.2
Tolak: Penebusan	29,073.9	45,045.7
Terbitan bersih sekuriti hutang	16,479.2	18,803.5
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	16,771.3	20,579.4
Jumlah pemerolehan dana bersih	76,657.6	78,957.3

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

² Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

itu, pegangan asing dalam MGS dan MGII merekodkan 40.4% dan 7.8% pada akhir Julai 2021. Pemerolehan dana terus dimanfaatkan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan pakej rangsangan.

Dalam tempoh yang sama, trend kadar hasil bagi MGS dan bon korporat secara umumnya lebih tinggi untuk semua tempoh matang. Penyesuaian signifikan semasa suku pertama 2021 telah menyebabkan kadar hasil bon dalam kalangan ekonomi negara maju diselaraskan semula kerana kebanyakan bank pusat negara tersebut mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif terhadap jangkaan inflasi sementara. Perkembangan ini memanfaatkan aset pendapatan tetap ekonomi yang berkembang pesat menerusi

JADUAL 3.5. *Bon Korporat Baharu mengikut Sektor, Januari - Julai 2020 dan 2021*


	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-	1,939.2	0.0	3.0
Pembuatan	306.0	45.0	0.7	0.1
Pembinaan	4,639.5	5,490.7	10.2	8.6
Elektrik, gas dan air	3,185.0	13,505.4	7.0	21.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,120.0	1,400.0	2.5	2.2
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	32,791.7	35,604.9	72.0	55.8
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	3,301.0	5,195.0	7.2	8.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	210.0	668.9	0.5	1.0
Jumlah	45,553.2	63,849.2	100.0	100.0

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin
Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

kadar hasil yang lebih menarik bagi pelabur antarabangsa khususnya pelabur yang mencari kadar pulangan lebih tinggi. Dari Januari sehingga Julai 2021, kadar hasil MGS 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun terus meningkat dalam lingkungan 3 hingga 52 mata asas. Dalam pasaran bon korporat pula, kadar hasil sekuriti 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A telah meningkat dalam lingkungan 6 hingga 43 mata asas berikutan peningkatan kesanggupan pelabur mengambil risiko bagi hutang korporat.


Dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti tempatan telah meningkat kepada RM1.8 bilion disumbangkan oleh terbitan Tawaran Awam Awal (IPO). Hal ini antara lain disebabkan oleh penyenaian IPO yang ketara daripada sektor perkhidmatan digital. Sentimen positif dalam kalangan pelabur didorong sebahagiannya oleh kemampuan perniagaan untuk mengadaptasi dengan persekitaran perniagaan yang mencabar dan menggunakan teknologi digital untuk menjalankan operasi.

RAJAH 3.4. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia
(Akhir tempoh)




¹ Akhir Julai 2021
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 3.5. Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul
(Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2021
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 3.6. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun
(Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2021
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada awal 2021, prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan indeks utama serantau adalah kurang memberangsangkan serta mengalami trend penurunan berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19. Tambahan pula, pelaksanaan PKP 2.0 telah menyumbang kepada ketidaktentuan dan peningkatan risiko dalam pasaran tempatan. Oleh yang demikian, FBM KLCI mencatat paras lebih rendah iaitu 1,566.40 mata pada akhir Januari 2021 (akhir Disember 2020: 1,627.21 mata).

Pelancaran Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari 2021 telah memberi rangsangan kepada pasaran. Hal ini dapat dilihat melalui minat pembelian yang kukuh dengan bursa tempatan mencatat dagangan lebih tinggi iaitu 1,577.75 mata pada Februari 2021. Indeks FBM KLCI menunjukkan trend menaik pada Mac 2021 dan mencapai tahap tertinggi 1,639.83 mata pada 10 Mac disokong oleh prestasi Wall Street yang lebih kukuh dan purata kes domestik harian COVID-19 yang lebih rendah.

Pada akhir April 2021, FBM KLCI telah merosot kepada 1,601.65 mata. Penurunan Indeks Pengurus Pembelian pembuatan di China telah menyumbang sebahagian kepada kelemahan sentimen risiko dalam pasaran tempatan. Berikutan kemunculan varian Delta dan peningkatan kes COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan semula PKP (PKP 3.0) di seluruh negara diikuti dengan Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara pada Jun 2021. Di samping itu, Bank Dunia telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi domestik pada kadar yang lebih rendah. Semakan unjuran semula ini dibuat berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi dan pelaksanaan program imunisasi yang lebih perlahan. Faktor-faktor tersebut telah menjejaskan sentimen mengambil risiko dalam kalangan pelabur lantas mengurangkan pegangan dalam ekuiti tempatan. Akibatnya, bursa tempatan merosot kepada 1,532.63 mata pada akhir Jun 2021.

JADUAL 3.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir September 2020 dan 2021

	2020	2021
Indeks		
FBM KLCI	1,504.82	1,537.80
FBM EMAS	10,831.56	11,311.08
FBM 100	10,660.70	10,998.02
FBM SCAP	12,835.21	16,078.70
FBM ACE	9,914.01	7,158.90
Jumlah urus niaga¹		
Bilangan (juta unit)	1,271,710.10	1,201,645.98
Nilai (RM juta)	749,007.22	729,218.25
Purata urus niaga harian¹		
Bilangan (juta unit)	6,911.47	6,602.45
Nilai (RM juta)	4,070.69	4,006.69
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,638.72	1,802.13
Bilangan syarikat disenaraikan		
Pasaran Utama	765	762
Pasaran ACE	133	143
Pasaran LEAP	34	42
Kecairan pasaran		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	45.7	40.5
Penumpuan pasaran		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	32.0	31.3

¹ Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga September
Sumber: Bursa Malaysia


Pada Ogos 2021, FBM KLCI telah melepasi paras psikologi 1,600 dan mencecah 1,601.38 mata disokong oleh kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko. Peningkatan ini dipacu oleh kemasukan dana bersih

pelabur asing dalam pasaran ekuiti tempatan buat pertama kalinya sejak Jun 2019 dan keuntungan korporat luar jangka. Keyakinan pasaran terus didorong oleh kadar vaksinasi lengkap yang semakin meningkat dalam kalangan populasi dewasa negara yang mencapai 64.2% menjelang akhir Ogos 2021.

Pada akhir September 2021, bursa tempatan mengalami kemerosotan sebanyak 63.58 mata atau 3.97% dan ditutup pada paras 1,589.19 mata. Perkara ini disebabkan andaian terhadap pihak Fed yang akan mengurangkan pembelian bon bulanannya seawal November 2021. Perkembangan ini memberi isyarat bahawa kenaikan kadar faedah mungkin berlaku lebih cepat daripada yang dijangkakan. Di samping itu, kejutan dalam pasaran harta tanah di China dan ketegangan geopolitik turut melemahkan sentimen pasaran tempatan. Namun demikian, pembukaan semula ekonomi domestik secara berperingkat dijangka menambahbaik sentimen pasaran, seterusnya meningkatkan prestasi FBM KLCI.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2021, permodalan pasaran meningkat 10% kepada RM1,802.13 bilion. Keseluruhan pasaran⁴ kekal rancak dengan merekodkan jumlah nilai urus niaga pasaran sebanyak RM729.2 bilion manakala jumlah dagangan saham mencatat 1,201.6 bilion unit. Dari Januari sehingga September 2021, halaju pasaran merekodkan 54% manakala volatiliti pasaran adalah 9.1%. Selain itu, jumlah pegangan saham asing berdasarkan permodalan pasaran tempatan mencatat 13% pada akhir September 2021. Secara keseluruhannya, pasaran ekuiti tempatan dijangka terus disokong oleh pemulihan ekonomi yang berterusan, pelepasan tekanan terhadap permintaan domestik dan pencapaian kadar vaksinasi yang lebih tinggi menerusi PICK.

RAJAH 3.7. Prestasi Bursa Malaysia



¹ Akhir tempoh
Sumber: Bursa Malaysia

RAJAH 3.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

⁴ Merangkumi pasaran Utama, ACE dan LEAP.

SISIPAN 3.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Sepuluh inisiatif utama telah dilaksanakan dalam tempoh lapan bulan pertama 2021 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia adalah seperti berikut:



Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Perbankan dan pasaran modal Islam kekal berdaya tahan dalam menyokong pemulihan ekonomi

Sektor perbankan Islam kekal teguh meskipun berdepan cabaran berikutan pelaksanaan PKP yang diperketatkan ekoran peningkatan kes COVID-19. Jumlah aset perbankan Islam berkembang sebanyak 9.1% kepada RM1,132.5 bilion⁵ pada akhir Julai 2021 merangkumi 34.8% daripada keseluruhan bahagian pasaran. Jumlah pembiayaan terkumpul juga meningkat sebanyak 5.6% kepada RM831.6 bilion. Pembiayaan sektor isi rumah yang merangkumi 64.5% daripada jumlah pembiayaan terutamanya untuk pembelian harta tanah kediaman (13.8%) dan kereta penumpang (10%). Permintaan sektor isi rumah kekal kukuh didorong oleh pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan pembukaan semula sektor ekonomi berikutan pelaksanaan vaksinasi secara besar-besaran.

Institusi kewangan Islam mengusahakan beberapa inisiatif rintis seperti gabungan kewangan dan fasiliti mudah tunai kepada PKS bagi terus memperkasa dan membangunkan daya tahan sosial perniagaan dalam keadaan ekonomi semasa. Program iTEKAD telah dilancarkan untuk membantu usahawan mikro berpendapatan rendah menjana pendapatan mampan melalui instrumen kewangan sosial dengan pembiayaan mikro dan latihan berstruktur. Selain itu, terdapat juga Skim CAKNA yang memberi kemudahan kepada vendor Kerajaan dengan membenarkan penjualan invois terkumpul kepada bank-bank Islam bagi membantu keperluan mudah tunai.

Pasaran Modal Islam (ICM) terus berkembang maju di Malaysia. Pada akhir Julai 2021, saiz ICM domestik bernilai RM2,254 bilion dan menyumbang 65.7% daripada keseluruhan pasaran modal Malaysia iaitu RM3,433 bilion. Sementara itu, bagi tujuh bulan pertama 2021, terbitan sukuk pula berjumlah RM151.3

JADUAL 3.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama¹, Akhir Julai 2020 dan 2021

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2020	2021	2020	2021
Aset	857.6	935.7	6.3	8.9
Pembiayaan	650.3	691.1	9.3	6.3
Pertanian primer	18.6	16.6	13.8	-10.4
Perlombongan dan kuari	4.2	4.7	15.4	9.7
Pembuatan ²	30.3	34.4	10.2	13.7
Bekalan elektrik, gas dan air	5.4	6.1	61.5	11.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	32.0	36.2	14.2	13.0
Pembinaan	35.3	32.2	0.3	-8.7
Harta tanah	31.6	31.3	9.5	-0.7
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	20.0	18.3	15.2	-8.8
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	33.8	38.2	6.0	13.0
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	33.7	27.8	66.8	-17.6
Isi rumah	399.6	439.6	8.8	10.0
Lain-lain	5.7	5.7	-62.1	-0.7
Liabiliti	794.0	868.6	6.1	9.4
Deposit dan Akaun Pelaburan	633.1	685.8	3.7	8.3
Pelaburan	0.6	0.4	-19.7	-22.2
Tabungan	58.1	71.2	31.4	22.4
Permintaan	99.7	116.0	20.5	16.3
Akaun pelaburan	97.1	113.5	20.5	16.9
Lain-lain	474.7	498.2	-1.6	5.0

¹ Tidak termasuk DFI

² Termasuk asas tani

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

bilion atau 66% daripada jumlah bon yang diterbitkan. Pada akhir Julai 2021, sukuk terkumpul bernilai RM1,080 bilion atau 63.5% daripada jumlah bon terkumpul.

⁵ Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).


Pada April 2021, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia melalui terbitan bertempoh matang 10-tahun berjumlah USD800 juta. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berjaya menerbitkan sukuk bertempoh matang 30-tahun (Sukuk Wakalah) berjumlah USD500 juta. Sukuk tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur antarabangsa dan domestik dengan jumlah langganan melebihi 6.4 kali. Kedudukan Malaysia kekal sebagai antara penerbit sukuk terbesar di dunia dan menyumbang 32.8% daripada keseluruhan terbitan sukuk global bernilai USD113.4 bilion pada akhir Jun 2021.

Sekuriti patuh Syariah terus mendorong minat pasaran dengan 748 (79.1%) daripada 946 Syarikat Senaraian Awam mematuhi prinsip Syariah. Pada akhir Julai 2021, permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah bernilai RM1,173.9 bilion atau 67.8% daripada jumlah permodalan pasaran.

Melangkah ke hadapan, industri kewangan Islam memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam mempercepat pemulihan pasca

pandemik. Perkara ini didorong oleh kemampuan prinsip kewangan Islam untuk berintegrasi dengan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), persekitaran peraturan yang kondusif dan usaha berterusan untuk mempromosi produk patuh Syariah. Sebagai contoh, kohort pertama panduan sektoral Rangka Kerja Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (VBIAF) mengenai minyak sawit, tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga hijau telah diterbitkan pada 31 Mac 2021. Sementara itu, kohort kedua panduan sektoral VBIAF untuk sektor minyak dan gas, pembuatan, pembinaan dan infrastruktur akan diterbitkan menjelang akhir tahun ini. Panduan sektoral ini berfungsi sebagai alat pengurusan risiko berdasarkan impak untuk memudahkan institusi kewangan membuat keputusan kredit atau pelaburan. Pembangunan produk juga akan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan daripada pelbagai bidang termasuk pembiayaan dalam sektor halal serta Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) patuh Syariah.

RAJAH 3.9. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)



Sumber: Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

Kesimpulan

Dasar monetari dijangka kekal akomodatif dan menyokong pemulihan ekonomi di samping memastikan harga kekal terkawal. Sementara itu, pasaran kewangan dijangka terus rancak. Prestasi positif tersebut akan diperkukuh oleh inisiatif di bawah Pelan Induk Pasaran Modal Ketiga (CMP3) dan Pelan Induk 3.0⁶, pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi yang berterusan, projek infrastruktur sedia ada dan projek strategik akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025.

Pelonggaran langkah pembendungan pandemik COVID-19 dan pembukaan semula semua sektor ekonomi akan menyumbang secara positif terhadap prestasi pasaran secara

keseluruhan. Walau bagaimanapun, risiko terhadap pertumbuhan masih wujud seperti pelaksanaan semula langkah pembendungan yang ketat, pemulihan pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan dan kadar normalisasi dasar monetari yang lebih pantas oleh bank pusat utama. Oleh yang demikian, langkah akan terus diambil bagi memastikan pasaran kekal dinamik, teratur dan berdaya tahan. Langkah ini termasuk mempercepat penerapan prinsip Pengantaraan berasaskan Nilai (VBI), meningkatkan tumpuan terhadap ekonomi halal dan menekankan pembangunan penyelesaian digital. Perhatian juga akan diberikan bagi mempromosi pelaburan berasaskan ESG, menyokong peralihan kepada negara berstatus rendah karbon, menerapkan amalan terbaik antarabangsa dan menambah baik tadbir urus.

⁶ Satu pelan induk sektor kewangan yang baharu.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2021). *Laporan Tahunan 2020*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2020*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Julai 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mei 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan April 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mac 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Februari 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Januari 2021*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bursa Malaysia. (2021). *Bursa Malaysia Amends Main Market and Ace Market Listing Requirements in Relation to Public Security Holding Spread*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-amends-main-market-and-ace-market-listing-requirements-in-relation-to-public-security-holding-spread
- Bursa Malaysia. (2021). *Bursa Malaysia Derivatives Revamps Crude Palm Kernel Oil Futures Contract (FPKO) to Meet the Needs of the Industry*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-derivatives-revamps-crude-palm-kernel-oil-futures-contract-fpko-to-meet-the-needs-of-the-industry
- Bursa Malaysia. (2021). *Bursa Malaysia's Latest Investor Education Drive Garners Positive Retail Investors' Participation*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysias-latest-investor-education-drive-garners-positive-retail-investors-participation
- Bursa Malaysia. (2021). *Bursa Malaysia Launches New Ftse4good Bursa Malaysia Shariah Index to Meet Financial Community's Sustainable Investment Needs*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-launches-new-ftse4good-bursa-malaysia-shariah-index-to-meet-financial-communitys-sustainable-investment-needs
- Bursa Malaysia. (2021). *Bursa Malaysia Makes Available Electronic Rights Issue Subscription Service to Enhance Investor Experience on Bursa Anywhere App*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-makes-available-electronic-rights-issue-subscription-service-to-enhance-investor-experience-on-bursa-anywhere-app
- Bursa Malaysia. (2021). *SC and Bursa Malaysia Announce Additional Temporary Relief Measures for Listed Issuers*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/602ca8615b711a1bf9f36cac/files/Feb17_2021_SC___Bursa_Malaysia_announce_additional_temporary_relief_measures.pdf?1613545509

- Bursa Malaysia. (2020). *Laporan Kelestarian*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/bm/about_bursa/sustainability/sustainability_reports
- Bursa Malaysia-FTSE Russell. (2021). *FTSE Bursa Malaysia Index Series*. Dicapai daripada https://www.bursamalaysia.com/sites/5d809dcf39fba22790cad230/assets/5eff10c639fba275dd54ee75/ESG_Ratings_of_PLCS_assessed_by_FTSE_Russell_and_Index_Constituents_June2020.pdf
- Chan, D. (2021). *Top Glove to Invest RM300 Million for Conducive Workers' Accommodation*. New Straits Times. Dicapai daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2021/04/682931/top-glove-invest-rm300-million-conducive-workers-accommodation>
- Cheah, C.S. (2021). *Top Glove Ousted From 3 ESG-Friendly Indexes*. Focus Malaysia. Dicapai daripada <https://focusmalaysia.my/top-glove-ousted-from-3-esg-friendly-indexes/>
- Corporate Finance Institute. (2021). *Introduction to ESG - An Overview of the Environmental, Social and Governance (ESG) Framework*. Dicapai daripada <https://courses.corporatefinanceinstitute.com/courses/environmental-social-governance>
- Harris, C. (2020). *Weathering the Storm - Where Strong ESG Performance Counts, Originally Published by Acre*. Dicapai daripada https://www.csrwire.com/press_releases/45231-weathering-the-storm-where-strong-esg-performance-counts
- Idris, A.N. (2021). *Top Glove Claims Trial in Worker Accommodation Case*. The Edge Malaysia. Dicapai daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/top-glove-attends-first-mention-worker-accommodation-case-next-mention-set-april-28>
- Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV). (2021). *Statistik & Maklumat*. Dicapai daripada <https://www.vaksinovid.gov.my>
- Jessop, S. & Howcroft, E. (2021). *Sustainable Fund Assets Hit \$1.7 Trln In 2020: Morningstar*. Dicapai daripada <https://www.reuters.com/article/us-global-funds-sustainable-idUSKBN29X2NM>
- Kell, G. (2018). *The Remarkable Rise of ESG*. Forbes. Dicapai daripada <https://www.forbes.com/sites/georgkell/2018/07/11/the-remarkable-rise-of-esg/?sh=42f44cfd1695>
- Malaysia International Islamic Financial Centre. (2021). *Global Sukuk*. Dicapai daripada <https://www.mifc.com/index.php>
- Malaysia Petroleum Resources Corporation. (2021). *The Presentation of Sustainability in the Malaysia OGSE Sector on 15 July 2021*. Dicapai daripada https://drive.google.com/drive/folders/1e55Ct2T80IIBzbPxxvQsvzO_h7dMRvBjq
- Morningstar. (2021a). *Sustainable Funds US Landscape Report, More Funds, More Flows, and Impressive Returns in 2020*. Chicago, US. Dicapai daripada <https://www.morningstar.com/lp/sustainable-funds-landscape-report>
- Morningstar. (2021b). *Global Sustainable Fund Flows: Q4 2020 in Review: ESG Fund Assets Reach USD1.65 Trillion by Record Inflows*. Chicago, US. Dicapai daripada https://www.morningstar.com/content/dam/marketing/shared/pdfs/Research/Global_ESG_Q4_2020_Flows.pdf
- Ng, J. (2020). *ESG Becoming Mainstream*. The Edge Malaysia. Dicapai daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-esg-becoming-mainstream>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *Islamic Capital Market*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/analytics/islamic-capital-market>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *List of Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=32eb683b-c134-49fb-a9d8-64b6cc44d849>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *SC and HDC Co-Host Inaugural Forum on Shariah-Compliant Fundraising for MSMEs*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-and-hdc-co-host-inaugural-forum-on-shariah-compliant-fundraising-for-msmes>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *SC Holds Inaugural Capital Market Green Financing Series - Widening Access to Sustainable*

- Financing for MSMEs*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-holds-inaugural-capital-market-green-financing-series-widening-access-to-sustainable-financing-for-msmes>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *SC – UNCDF Driving Islamic Fintech Innovation Ecosystem with FIKRA*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-%E2%80%93-uncdf-driving-islamic-fintech-innovation-ecosystem-with-fikra>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *Welcoming Remark at Navigate: Capital Market Green Financing Series*. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my/resources/speeches/welcoming-remarks-at-navigate-capital-market-green-financing-series>
- Stoops, N. (t.t.). *Why ESG Ratings Matter and How Companies Use Them*. United Kingdom. Dicapai daripada <https://simply-sustainable.co.uk/insights/why-esg-ratings-matter-and-how-companies-use-them>
- Suhaidi, N. (2021). *Bitcoin Cash (BCH) Receives Preliminary Approval from SC*. Business Today. Dicapai daripada <https://www.businesstoday.com.my/2021/04/26/bitcoin-cash-bch-receives-preliminary-approval-from-sc/>
- Tett, G. (2020). *Why ESG Investing Makes Fund Managers More Money*. The Financial Times. Dicapai daripada <https://www.ft.com/content/1cfb5e02-7ce1-4020-9c7c-624a3dd6ead9>
- The Malaysian Reserve. (2021). *Investors Must Probe ESG Credentials to Deter ‘Greenwashing’*. Dicapai daripada <https://themalaysianreserve.com/2021/04/14/investors-must-probe-esg-credentials-to-deter-greenwashing/>
- The Star. (2021). *More Companies Keen to Improve ESG Disclosure*. Dicapai daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/03/16/more-companies-keen-to-improve-esg-disclosure>

